

**SULIT**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**JABATAN KEJURUTERAAN AWAM**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

**SESI I : 2022 / 2023**

**BCF50173: INTRODUCTION TO RISK MANAGEMENT**

**TARIKH : 10 JANUARI 2023**

**MASA : 8.30 AM – 11.30 AM (3 JAM)**

---

Kertas ini mengandungi **TUJUH (7)** halaman bercetak.

Struktur (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

**SULIT**

**INSTRUCTION:**

This section consists of **FOUR (4)** structure questions. Answer **ALL** questions.

**ARAHAN:**

*Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan struktur. Jawab **SEMUA** soalan.*

**QUESTION 1****SOALAN 1**CLO1  
C3

- (a) Risk Management, in the context of occupational safety and health (OSH), is a process of identifying hazards, determining the risk based on likelihood and severity of work injuries, ill health and property damage, as well as prioritizing the implementation of preventive measures to mitigate these risks and communicating the risk assessment. Determine **FIVE (5)** differences of risk and hazards with examples in the context of facilities management industry.

*Pengurusan Risiko, dalam konteks keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH), ialah proses mengenal pasti bahaya, menentukan risiko berdasarkan kemungkinan dan tahap kecederaan dan kesihatan dan kerosakan harta benda, mengutamakan pelaksanaan langkah-langkah pencegahan untuk mengurangkan risiko serta menyampaikan penilaian risiko. Tentukan **LIMA (5)** perbezaan risiko dan bahaya dengan memberikan contoh dalam konteks industri pengurusan fasiliti.*

[5 marks]

[5 markah]

CLO2  
C4

- (b) Currently, there are variety of risk assessment methods to choose, each exhibiting a variety of problems. For example, methods may take a long time to perform, may rely on subjective estimation for the security input data, may rely heavily on quantification of financial loss due to vulnerability, or may be costly to purchase and use. Explain **FIVE (5)** factors in selecting risk methods.

*Pada masa kini, terdapat pelbagai kaedah penilaian risiko yang boleh dipilih, setiap satu mempamerkan pelbagai masalah. Sebagai contoh, kaedah mungkin mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan, mungkin bergantung pada anggaran subjektif untuk data input keselamatan, kemungkinan sangat bergantung kepada pengiraan kerugian akibat daripada kelemahan, atau mungkin mahal untuk dibeli dan digunakan. Terangkan **LIMA (5)** faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah risiko.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO1  
C4

- (c) The content of risk management policy is designed to equip employees with clarity on responsibilities and guidance for managing and taking appropriate risks that contributes to a proactive risk culture. Classify the **THREE (3)** elements in A-B-C Model (Attitude, Behavioral, Culture) which are interrelated and lead to positive awareness, outcomes and supporting the overall organizational strategy with the aid of a diagram.

*Maklumat yang terdapat di dalam polisi pengurusan risiko direka bentuk untuk melengkapkan pekerja dengan kejelasan tentang tanggungjawab dan panduan untuk mengurus dan mengambil risiko yang sesuai dengan cara yang menyumbang kepada budaya risiko yang proaktif. Dengan gambarajah, klasifikasikan **TIGA (3)** elemen dalam Model A-B-C (Sikap, Tingkah Laku, Budaya) yang berkait antara satu sama lain yang membawa kepada kesedaran positif, hasil dan menyokong keseluruhan strategi organisasi.*

[10 marks]

[10 markah]

**QUESTION 2****SOALAN 2**CLO1  
C3

- (a) Facility management is a professional management discipline focusing on the efficient and effective delivery of support services to the organization that it serves. The entire purpose of a Risk Management Plan in Facility Management is to reduce the probability of accidents or failure events and to minimize the consequences of accidents or malfunction events. Determine **FIVE (5)** scopes in managing risk for facilities management industry.

*Pengurusan fasiliti (FM) ialah disiplin pengurusan profesional yang tertumpu pada penyampaian perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan kepada organisasi. Secara keseluruhannya, Pelan Pengurusan Risiko dalam Pengurusan Fasiliti adalah untuk mengurangkan kebarangkalian kemalangan atau kejadian kegagalan dan untuk meminimumkan akibat kemalangan atau kejadian kerosakan. Tentukan **LIMA (5)** skop yang terlibat dalam pengurusan risiko bagi industri pengurusan fasiliti.*

[5 marks]

[5 markah]

CLO2  
C5

- (b) An effective risk culture helps the entire organization establish a common understanding to describe risks. It also provides employees with methods to identify, manage, and mitigate risk, as well as ensuring that appropriate safeguards are in place at all levels. Recommend **TWO (2)** compliance requirements in developing a risk management plan for an organization.

*Budaya risiko yang berkesan membantu seluruh organisasi mewujudkan pemahaman yang sama untuk menerangkan risiko. Ia juga menyediakan kakitangan dengan kaedah untuk mengenal pasti, mengurus dan mengurangkan risiko, memastikan bahawa perlindungan yang sesuai disediakan di semua peringkat. Cadangkan **DUA (2)** keperluan pematuhan yang digunakan apabila membangunkan pelan pengurusan risiko untuk sesebuah organisasi.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO1  
C4

- (c) Effective and successful risk management requires a holistic and consistent approach which anticipate all sources of risks, including global economic uncertainty, project failure, resource shortages, legal issues, natural disasters and political instability. Explain **FIVE (5)** risk management principles to ensure a successful risk management policy is established in an organization.

*Pengurusan risiko yang berkesan dan berjaya memerlukan pendekatan holistik dan konsisten yang mengambil kira semua sumber dari mana risiko boleh berpunca, termasuk ketidaktentuan ekonomi global, kegagalan projek, kekurangan sumber, isu perundangan, bencana alam dan ketidakstabilan politik. Terangkan **LIMA (5)** prinsip pengurusan risiko untuk memastikan polisi pengurusan risiko berjaya diwujudkan dalam organisasi.*

[10 marks]

[10 markah]

**QUESTION 3****SOALAN 3**CLO2  
C4

- (a) A facility manager and senior management are required to collaborate in deciding the method of treatment of losses due to the available risk. As a facility manager, explain **TWO (2)** techniques of risk treatment that can be used to handle the risk occurred in an organization.

*Seorang pengurus fasiliti dan pengurusan kanan dikehendaki bekerjasama dalam membuat keputusan mengenai kaedah rawatan kerugian akibat ketersediaan risiko. Sebagai pengurus fasiliti, terangkan **DUA (2)** teknik rawatan risiko yang boleh digunakan untuk mengendalikan risiko yang berlaku dalam sesebuah organisasi.*

[5 marks]

[5 markah]

CLO2  
C5

- (b) Preparing risk management plan is not an easy task. There are three steps to be carried out which are identifying the risk, analyzing the risk as well as updating and monitoring the risk. Justify the importance of risk management plan to be updated and monitored after being used in business activity and process for a certain period of time.

*Penyediaan plan pengurusan risiko bukanlah satu tugas yang mudah. Terdapat tiga peringkat untuk dibuat seperti mengenalpasti risiko, menganalisa risiko dan mengemaskini semula risiko. Berikan justifikasi mengapa pelan pengurusan risiko penting untuk dikemaskini semula setelah digunakan untuk beberapa tempoh bagi sesuatu proses dan aktiviti dalam perniagaan.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO1  
C3

- (c) Risk management is an integral part of a management process. It is a recurring process for continuous improvement. Explain with proper illustrations on the main elements of the risk process.

*Pengurusan risiko merupakan bahagian yang penting dalam proses pengurusan. Ia adalah satu proses yang berulang bagi penambahbaikan yang berterusan. Oleh itu, terangkan unsur-unsur utama dalam proses risiko dengan menggunakan ilustrasi yang betul.*

[10 marks]

[10 markah]

#### QUESTION 4

##### SOALAN 4

CLO1  
C4

- (a) Explain **TWO (2)** components of risk analysis which separate minor risks from major risks when selecting appropriate treatment for these risks.

*Jelaskan **DUA (2)** komponen analisis risiko yang boleh memisahkan risiko kecil dan risiko utama bagi tujuan memilih rawatan yang sesuai digunakan untuk risiko tersebut.*

[5 marks]

[5 markah]

CLO2  
C4

- (b) Robust risk management helps organizations succeed by helping them to align their risk management with organizational objectives. Risk identification is a crucial part of controlling process to record any risks that could hinder an organization or program from reaching its objective. Explain **FIVE (5)** methods of risk identification techniques by giving an example for each technique stated.

*Pengurusan risiko yang mantap membantu organisasi berjaya dengan membantu mereka memastikan pengurusan risiko sejajar dengan objektif organisasi. Pengenalpastian risiko adalah bahagian penting dalam proses kawalan untuk mendokumentasikan sebarang risiko yang boleh menghalang organisasi atau program daripada mencapai objektifnya. Terangkan **LIMA (5)** kaedah teknik mengenal pasti risiko dengan memberi contoh bagi setiap teknik yang dinyatakan.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO2  
C5

- (c) “Metro Newspaper on November 18, 2015 reported that the lift at Pangsapuri Seroja is frequently having breakdown during heavy rain. The residents have complained to the management regarding this problem but there is no action taken until today...”

Based on the situation above, recommend the ways to identify risks involved by adopting appropriate method to solve the problem.

*“Suratkhabar Metro pada November 18, 2015 memaklumkan bahawa lift di Pangsapuri Seroja seringkali rosak apabila berlaku hujan lebat. Penduduk telah membuat aduan kepada pihak pengurusan berkenaan masalah ini tetapi masih tidak ada tindakan dibuat sehingga kini...”*

*Berdasarkan situasi di atas, cadangkan bagaimana cara untuk mengenalpasti risiko yang terlibat dengan menggunakan kaedah yang sesuai bagi menangani masalah tersebut.*

[10 marks]

[10 markah]

SOALAN TAMAT